



AHMAD IBRAHIM DAN PENGISLAMAN SISTEM HUKUM DI MALAYSIA

Ahmad Nabil Amir

International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)

Article Info

Article history:

Received June 11th, 2022

Revised Oct 26th, 2022

Accepted Des 12th, 2022

Keyword:

Islamization of Law;

Ahmad Ibrahim;

Islamic Criminal Law.

Abstract: This paper explores the work and contribution of Prof Ahmad Ibrahim in his effort to Islamize law in Malaysia. He had proposed and constructed comprehensive and unprecedented structure of instructive and highly possible method to Islamize law and to bring about harmonization of Islam and civil law in Malaya. In this context, he had proposed independent legal and criminal administration of Islamic law and established the highly anticipated Shariah court in Malaya. The reform and Islamization of law undertake was brought forth with strategic move and develop in step. This paper analyze in depth his method to apply Islamic law as set forth in his works and discussed his consistent and profound effort to bring about harmonization of Islamic and civil law of British colonies.

Abstrak: Kertas ini mengkaji sumbangan Prof. Ahmad Ibrahim dalam usahanya merangka dan menjayakan gagasan Islamisasi undang-undang di Malaysia. Beliau telah membangunkan kerangka perundangan Islam yang bernafaskan prinsip hukum dan syariat yang dilakarkannya bagi menggantikan undang-undang sivil yang diwarisi dari penjajah. Menurutnya pindaan terhadap undang-undang sivil harus diusahakan dengan bijaksana dan berperingkat. Beliau berhujah bahawa undang-undang Islam telah diterima dan dilaksanakan dalam Kanun Melaka, Terengganu dan Kedah dan dipertahankan sejak Islam masuk ke rantau ini sebelum dihapuskan oleh penjajah. Undang-undang syariah menurutnya lebih baik dan telah memperlihatkan kecemerlangan dalam penerapannya di negara-negara Islam dalam mengurangkan kadar jenayah. Kertas ini akan mengkaji secara terperinci kaedah yang diusulkannya bagi menerap dan mengaplikasi undang-undang Islam seperti yang dicerakin dan dibincangkan dalam karya-karyanya.



© 2022 The Authors. Published by Fakultas Syariah UIN Antasari.

This is an open access article under the CC BY license

(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0>)

Corresponding Author: Email: nabiller2002@yahoo.co.uk

Pendahuluan

Dalam tulisannya tentang perkembangan undang-undang di Pakistan dan usaha pengislamannya, Mohamad Amin mendefinisikan Islamisasi undang-undang sebagai “a process and activity whereby laws are brought into conformity with the injunctions of Islam”¹ [suatu proses dan aktiviti di mana undang-undang diacu supaya selaras dengan ketetapan-ketetapan Islam]. Dalam kes di Malaysia, usaha ke arah merealisasikan cita-cita Islamisasi ini telah dirintis Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad bin Mohamed Ibrahim (15 May 1916-17 April 1999), yang telah melakar sumbangan yang bermakna dalam mentransformasi kerangka undang-undang syariah dan diangkat sebagai bapa perundangan Islam moden.

Kajian ini menfokuskan kepada perjuangan beliau untuk memartabat undang-undang Islam dan institusi syariah di Malaysia. Tema tentang undang-undang Islam ini merupakan keutamaan yang penting dalam pemikirannya sebagaimana dijelaskan oleh Prof. Abdul Aziz Bari dalam makalahnya “Ahmad Ibrahim and the Islamization of law in Malaysia”: “issues in Islamization and the law in Malaysia constitute the main themes in the works of Ahmad Ibrahim”² [isu tentang Islamisasi dan undang-undang di Malaysia merupakan tema utama dalam karya-karya Ahmad Ibrahim]. Menurut Prof. Ahmad Ibrahim, kesedarannya yang radikal untuk menegakkan undang-undang Islam ini tercetus dari kes Natrah, yang melibatkannya dalam pembelaan terhadap hak dan kebebasan agama, dan mendesaknya untuk mencari penyelesaian yang tuntas terhadap konflik antara undang-undang sivil dan syariah: “the case made me personally realize the importance of putting Islamic law at the centre stage”³ [kes tersebut membuatkan saya sedar kepentingan meletakkan undang-undang Islam di garda depan].

¹ Mohammad Amin, *Islamization of Laws in Pakistan* (Lahore: Sang-E-Meel Publication, 1989), dikutip dari Abdul Aziz Bari, *Ahmad Ibrahim and the Islamization of Law in Malaysia* (Kuala Lumpur: Harun M. Hashim Law Centre, Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Laws).

² Ibid.

³ Fatini Yaacob. “Mungkin Berlainan Jika Berlaku Sekarang – Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim.” *Dewan Masyarakat*, 27, no. 3 (Mac 1989): hh. 15-16.

BIOGRAFI

Tan Sri Datuk Profesor Ahmad bin Mohamed Ibrahim dilahirkan pada 12 Mei 1916 di Singapura. Beliau membesar di pekan lama Race Course di Jalan Serangoon, Singapura. Bapanya seorang doktor perubatan dan aktivis penting dalam pergerakan sosial dan pencerahan. Beliau memainkan peranan utama dalam membangunkan badan-badan kebajikan dan pertubuhan agama di Singapura yang berfungsi memelihara kepentingan masyarakat Islam di sana. Ini terbukti dalam rakaman dan catatan awal tentang sejarah perkembangan politik dan sosial di Singapura mengenai gabungan tenaga sosial dan agama yang berperanan mengukuh kerjasama dan mempertahankan kedaulatan negeri Singapura.⁴

Prof. Ahmad Ibrahim mendapat pendidikan awal di Victoria Bridge School, kemudian menyambung persekolahannya ke peringkat menengah di Raffles Institution, Singapura. Beliau telah menduduki peperiksaan junior Cambridge pada tahun 1931 dan lulus dalam usianya yang baru menjangkau 14 tahun. Beliau diterima masuk ke Raffles College sewaktu berusia 15 tahun dan lulus senior Cambridge dengan kepujian, dan memperoleh pangkat cemerlang dalam subjek Geografi. Pada tahun 1935 beliau menyambung pengajiannya ke luar negara di University of London dan lulus kelas pertama ijazah B.A. dengan kepujian London External Degree. Setahun kemudian, beliau memperoleh biasiswa Queen Scholarship bagi meneruskan pengajian ke St. John College, Universiti Cambridge di England. Beliau berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1939, dengan memperoleh Ijazah pertama Economic Tripos I, dan Law Tripos II. Sewaktu menuntut di Universiti Cambridge, beliau telah meraih hadiah George Long bagi kursus Roman Law, dan mendapat pingat McMahan Law mewakili St. John College.⁵

Pada tahun 1941, beliau mengambil Peperiksaan Bar Final di Singapura dan lulus dengan cemerlang dan memperoleh Sijil Kepujian dari Middle Temple, England. Beliau dipanggil untuk berkhidmat tanpa hadir (akibat perang) di Bar Council Middle Temple pada November 1941. Seterusnya beliau

⁴ Al-Mansor Adabi. "Ahmad Ibrahim in the Service of Islam." Dalam M. B. Hooker (Ed.), *Malaysian Legal Essays: A Collection of Essays in Honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim* (Kuala Lumpur; Singapore: Malayan Law Journal, 1986), 15.

⁵ Ibid.

melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan berjaya memperoleh ijazah kelas pertama M.A. dalam bidang Economics dan Law dari Universiti Cambridge pada 1965. Kerana jasanya kepada pengajian dan perkembangan undang-undang; terutamanya undang-undang buruh beliau dikurniakan ijazah kehormat Doktor Falsafah (LL.D) undang-undang dari University of Singapore (sekarang dikenali sebagai Universiti Kebangsaan Singapura) pada 5 Jun 1965.⁶

Memulakan kareernya, beliau berkhidmat sebagai editor kepada *Malayan Law Journal* dalam awal tahun 1940an dan menerima bayaran sebanyak 100 ringgit sebulan. Beliau ditugaskan untuk membaca kes yang dihantar oleh Mahkamah untuk dilaporkan, membuat nota kepala, dan menulis berita undang-undang. Oleh kerana belum diterima sebagai peguam kerana tempoh latihannya terganggu akibat perang, maka beliau diletak di bawah seliaan Hakim Nogi, yang ketika itu bertugas sebagai Ketua Jabatan Undang-Undang Jepun di Singapura. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai kerani kepada Hakim Raja Musa, iaitu Hakim Mahkamah Tinggi di Singapura. Pengalaman di bawah Raja Musa memberi peluang kepadanya untuk duduk semeja dengan Hakim ketika perbicaraan.

Beliau kemudian direkrut sebagai pembantu dalam Jabatan Kehakiman Singapura, dan memulakan kerjaya profesional sebagai Majistret pada tahun 1946 selepas berakhirnya perang dunia kedua. Setelah setahun, beliau dinaikkan pangkat dan menjawat tugas Hakim Daerah pada tahun 1947. Beliau merupakan orang pertama yang diterima sebagai peguambela dan peguamcara di Singapura selepas Inggeris kembali berkuasa dan mentadbir Singapura.⁷

Pada tahun 1948 beliau meninggalkan perkhidmatan awam dan mengajar subjek undang-undang di Raffles College, Singapura. Antara yang pernah menuntut dengannya termasuklah Tunku Jaafar (Yang Dipertuan

⁶ Vernon, Cornelius Takahama, *Tan Sri Datuk Professor Ahmad Ibrahim* (Singapore: National Library Board Singapore, 2001), 7.

⁷ Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid. "Biografi Ahmad Ibrahim." *Jurnal Undang-Undang IKIM edisi khas sempena memperingati Al-Marhum Profesor Emeritus Ahmad Mohamed Ibrahim* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia) 9, no.1 (Jan-Jun 2005), xvii.

Besar Negeri Sembilan), Yang Mulia Tan Sri Datuk Raja Mohar, bekas Pengerusi MAS dan Petronas, Tan Sri Syed Othman dan S.S. Gill, bekas Hakim Besar Malaya, S.R. Nathan, bekas Pengarah Institut Pertahanan dan Kajian Strategik, Shad Faruqi, Profesor Undang-Undang di Universiti Teknologi MARA dan ramai lagi tokoh-tokoh penting tanahair.

Dari tahun 1949 hingga 1955, beliau berkhidmat sebagai peguam di syarikat guaman persendirian. Ketika dalam perkhidmatan ini, beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Majlis Perbandaran Singapura dan Ahli Dewan Undangan Singapura. Beliau turut menganggotai Badan Kehakiman Singapura dari tahun 1952 hingga 1955. Setelah itu, beliau menyambung khidmatnya dengan Kerajaan Singapura dan dilantik sebagai Majistret pada 28 Februari 1955, dan bergelar Hakim Mahkamah Daerah pada Jun 1955. Pada tahun 1956, beliau dipindahkan ke Jabatan Peguam Negara, dan menjawat sebagai Crown Council dan Timbalan Pendakwaraya Awam, dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Senior Crown Council pada Mei 1957.

Setelah Singapura berjaya membentuk kerajaan sendiri pada tahun 1959, beliau dilantik sebagai Peguamcara Negeri sehingga tahun 1963. Apabila Singapura mencapai kemerdekaan melalui Malaysia pada 16 Sept 1963, beliau diserap ke jawatan awam dan dilantik sebagai Peguam Negara pertama Singapura. Jawatan tersebut dipegang sehingga 1967, setelah dilantik sebagai Duta Besar Singapura ke Emiriah Arab Bersatu dan Republik Arab Mesir. Dalam waktu yang sama beliau turut bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada Menteri Kewangan Singapura ketika itu, Dr. Goh Keng Swee.

Pada tahun 1968 beliau mengumumkan persaraannya dari perkhidmatan awam Singapura setelah bertugas selama hampir 22 tahun. Kareernya dalam pendidikan undang-undang dilestarikan di Malaysia sebagai Profesor Undang-Undang di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Perlantikannya telah diumumkan oleh Naib Canselor Universiti Malaya ketika itu, Profesor Ungku Abdul Aziz pada 15 Ogos 1969. Perlantikan ini banyak membawa pembaharuan kepada pengajian subjek undang-undang yang ditawarkan di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Prof. Ahmad Ibrahim berhasil memperkenalkan subjek undang-undang Islam dan mengenengahkan unsur-unsur Islam dalam kurikulum undang-undang.

Semasa memegang Kerusi Pengajian Undang-Undang di Universiti Malaya, beliau mencadangkan supaya diwujudkan sebuah fakulti undang-undang tersendiri di Malaysia, memandangkan Malaysia ketika itu bergantung kepada Universiti lain di England dan di Singapura. Cadangan ini membawa kepada tertubuhnya Fakulti Undang-Undang yang pertama di tanah air pada 21 April 1972. Prof. Ahmad Ibrahim dilantik secara rasmi sebagai dekan yang pertama di fakulti berkenaan dan bertugas dari 1972 hingga 30 Mac 1983. Dalam waktu yang sama, beliau turut dipertanggungjawabkan sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya.

Setelah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ditubuhkan pada 1983, Prof. Ahmad dilantik sebagai Syeikh al-Kulliyah, di Kulliyah Undang-Undang. Gelaran Syeikh al-Kulliyah adalah perlantikan kehormat sebagai Dekan pertama di Kulliyah yang seumpamanya di Malaysia. Beliau mengetuai pentadbiran Kulliyah sehingga 1999 dan telah memberi sumbangan yang bermakna dalam perkembangan dan kemajuan undang-undang syariah. Sepanjang berkhidmat dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, beliau telah diberikan mandat untuk mengetuai pentadbiran Universiti dan memegang portfolio penting, sebagai Timbalan Rektor, Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Majlis Tertinggi Senat Universiti.

Beliau telah menerima pengiktirafan yang luar biasa sepanjang kareernya. Pada tahun 1960, beliau dianugerahkan Pingat Jasa Gemilang oleh Kerajaan Singapura, dan pada 1963 meraih pingat dari Kerajaan Malaysia kerana jasanya mengetuai delegasi “Singapore Working Party” yang mengadakan rundingan untuk membawa masuk Singapura ke dalam persekutuan Malaysia. Pada tahun 1975 beliau dianugerah Bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Yang Dipertuan Agong sebagai menghargai jasanya kepada Universiti Malaya.

Berikutnya pada Jun 1987 beliau dimahkotakan Bintang Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) oleh Yang Dipertuan Agong yang membawa gelaran Tan Sri. Seterusnya pada 1979 beliau dikurnia Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara (D.M.P.N.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran Datuk. Pada tahun 1979 beliau dianugerahi medal Allama Muhammad Iqbal

oleh Kerajaan Pakistan sebagai mengenang jasa dan sumbangannya dalam bidang perundangan Islam kepada negara-negara Islam.

Pada 1 Julai 1983 beliau ditabal sebagai Profesor Undang-Undang pertama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Seterusnya pada 25 Ogos 1984, beliau dilantik sebagai Profesor Emeritus di Universiti Malaya. Pada tahun 1988 beliau diisytihar sebagai Tokoh Maal Hijrah 1988 dan dihadiahkan pingat emas Tun Abdul Razak tahun 1992. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia pada tahun 1992 dan mengetuai jawatankuasa tersebut bagi menjalankan penyelidikan tentang undang-undang Islam dan menerbitkan karya-karya perundangan Islam.

HASIL KARYA

Bidang penulisan Profesor Ahmad Ibrahim merangkumi kesemua aspek perbahasan undang-undang dengan pengkhususan dalam bidang perundangan Islam, undang-undang keluarga, dan buruh. Tulisannya mencakup persoalan pendidikan undang-undang, sistem undang-undang, undang-undang jenayah, keterangan, kontrak, adat, perlembagaan, acara jenayah, sivil, sejarah undang-undang, jurispruden, pembaharuan undang-undang, diges undang-undang, profesion kepeguaman, undang-undang cukai, termasuk ucapan rasmi di Mahkamah, dan undang-undang pembangunan.⁸

Bukunya yang pertama berjudul *Islamic Law in Malaya* diterbitkan oleh Malaysian Sociological Research Institute (MSRI) pada tahun 1965, dan karyanya yang terakhir ialah *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia* terbitan *Malayan Law Journal* (MLJ) tahun 1999. Karangan dan karya-karyanya yang lain termasuklah *The Legal Status Of the Muslims in Singapore* (1965), *The Status Of Muslim Women in Family Law in Malaysia, Singapore and Brunei* (1965), *The Distribution of Estates According to Shafii Law* (1976), *Law and Population in Malaysia* (1977), *Family Law in Malaysia and Singapore* (1978), *Legal Education in Malaysia* (1980), *The Malaysian Legal System* (1987) *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (1997), *Perkembangan*

⁸ Shaikha Zakaria. "List of Works by Professor Ahmad Ibrahim". Dalam M.B. Hooker (ed.), *Malaysian Legal Essays: a Collection of Essays in Honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim* (Kuala Lumpur: *Malayan Law Journal*, 1968), 24-38.

Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (1999), dan lain-lainnya. Beliau telah menulis sejumlah 20 buah buku dan 200 makalah termasuk beberapa buah buku teks yang menjadi rujukan asas dalam pengajian undang-undang dan kehakiman syarak.

SUMBANGAN DALAM BIDANG PERUNDANGAN ISLAM

Dalam perkembangan undang-undang di Malaysia, Prof. Ahmad Ibrahim telah memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai-nilai perundangan yang murni dan menggerakkan pembaharuan dalam bidang perundangan Islam dan disiplin syariah yang strategik. Beliau merupakan tokoh perundangan dan pemikir Islam yang berwibawa dengan penguasaannya dalam bidang perundangan sivil dan kepakaran serta kefahamannya yang mendalam tentang undang-undang Islam. Tulisannya memperlihatkan ketrampilan dan kepimpinannya dalam bidang guaman, dengan kemampuan dan kecekapannya dalam menangani pertikaian undang-undang, kepakaran dalam bidang pengajaran dan pentadbiran hukum, dan keupayaan menggarap seluruh aliran pemikiran dan mazhab undang-undang dengan kekuatan karya dan idealisme hukum yang dizahirkan.

Perjuangan dan penglibatan Profesor Ahmad Ibrahim dalam bidang perundangan Islam di Singapura dan Malaysia telah bermula sejak awal 1960. Beliau berperanan mengemukakan draf rang undang-undang keluarga Islam pada tahun 1965 yang berhasil mengangkat dan memperluas bidangkuasa Mahkamah Syariah, dan melakar jalan ke arah tertubuhnya Majlis Agama Islam Singapura (MUIS). Beliau juga merupakan ahli panel penasihat bagi memperbaharui enakmen pentadbiran undang-undang Islam di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia. Prof. Ahmad turut menganggotai Jabatan kehakiman Syariah Malaysia yang bertanggungjawab memperkemas peruntukan dan undang-undang syariah dalam sistem perundangan negara. Beliau terlibat sebagai jawatankuasa di peringkat kebangsaan dan negeri yang merangka kaedah integrasi untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran dan kehakiman di Malaysia, dan menguruskan

Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil yang berperanan untuk menyeragamkan undang-undang Islam dan sivil.

Sumbangannya cukup signifikan dalam memartabat pentadbiran undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Beliau merupakan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dan Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang berperanan menyemak semula undang-undang keluarga Islam, acara jenayah Islam, undang-undang keterangan Islam dan acara sivil Islam. Beliau turut menganggotai jawatankuasa menggubal undang-undang keluarga Wilayah Persekutuan dan mengemukakan peruntukan dan ketetapan Mahkamah tentang undang-undang keluarga Islam dan bertanggungjawab mencorak kerangka sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia.

Dalam pembangunan sistem perbankan Islam, beliau telah memainkan peranan utama sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan tentang penubuhan Bank Islam dan telah mempengerusikan jawatankuasa kecil undang-undang yang menasihat dan menggubal akta Bank Islam, disusuli dengan penubuhannya pada tahun 1983. Beliau turut berperanan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Undang-Undang Takaful yang bertanggungjawab memberi laporan kepada kerajaan tentang penubuhan Takaful sebagai insurans Islam, dan merupakan Ahli Badan Perunding Islam (Islamic Consultative Council), dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Beliau turut menyumbang dalam membangunkan Universiti Islam dan merupakan ahli jawatankuasa penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau diberi mandat selaku Syeikh al-Kulliyah Undang-Undang yang bertanggungjawab untuk merangka dan membentuk kurikulum, menyelaras sistem pendidikan dan menyeragamkan kursus pengajian undang-undang syariah dan sivil. Beliau turut dilantik sebagai panel khas yang berperanan menggubal enakmen undang-undang Islam (hudud dan qisas) negeri Kelantan pada tahun 1991.

Dalam usahanya mereformasi undang-undang, beliau telah memberikan perhatian kepada pembangunan undang-undang dan upaya menangani dan memperkukuh pentadbiran undang-undang Islam dengan meningkatkan

kuasa dan tanggungjawab pegawai-pegawai yang bersangkutan dalam implementasinya. Beliau telah berjasa besar dalam menaik taraf kedudukan pegawai agama dan memperbaiki pentadbiran undang-undang Islam dan menitiskan ilmu dan kefahaman Islam di kalangan pegawai kerajaan dan penjawat awam.

Beliau turut mengusahakan penerbitan Jurnal Hukum supaya kes-kes yang diputuskan oleh kadi dapat dilapor secara terbuka dan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 1980, di samping merintis usaha menerbitkan Jurnal Syariah yang telah digerakkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sejak tahun 1984.

SUMBANGAN KEPADA RAKYAT DAN KERAJAAN SINGAPURA

Prof. Ahmad telah banyak menabur bakti kepada rakyat dan kerajaan Singapura sepanjang tempoh perkhidmatannya dalam sektor awam selama hampir 22 tahun. Beliau merupakan anggota Lembaga Penasihat Muslim Singapura dan Ahli Majlis Badan Kehakiman yang berperanan memperkuat dan meninggikan pentadbiran undang-undang Islam di Singapura. Ketika menjadi Peguam Negara Singapura, beliau telah menggubal enakmen pentadbiran undang-undang Islam, bagi keperluan orang-orang Islam di Singapura, dan berikhtiar untuk mengkaji dan merangka semula rang undang-undang serta berusaha memasukkan peruntukan undang-undang Islam dalam perlembagaan negara.

Beliau turut bertanggungjawab menggubal Piagam Wanita (Women's Charter) yang diluluskan pada tahun 1961, dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Singapura yang diluluskan pada 1966. Dalam Piagam Wanita tersebut, beliau telah menggubal semula undang-undang lama tentang perkahwinan, perceraian, harta pusaka, nafkah, kesalahan terhadap wanita dan kanak-kanak. Banyak peruntukan baru yang dimasukkan untuk menyelesaikan beberapa masalah poligami, perceraian yang berlaku di luar Singapura, perkahwinan di bawah undang-undang lazim, masalah domisil dan isu yang berhubung dengan perkahwinan campur. Beliau juga berhasil memperkemas dan memantap Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam

1966 dengan memasukkan peruntukan untuk menubuh Majlis Agama Islam Singapura, dengan kuasa menyelia dan mengawal badan-badan Islam di Singapura dan merujuk langsung kepada Presiden Republik Singapura tanpa sebarang campurtangan dari kerajaan. Peruntukan ini sekaligus menjamin pembelaan kepada rakyat Islam Singapura yang merupakan golongan kecil minoriti untuk diwakili oleh Majlis Agama Islam tanpa dipengaruhi oleh tekanan politik atau pengaruh luar.⁹

PENGARUH KEPADA INSTITUSI PERUNDANGAN DAN ORMAS ISLAM DI MALAYSIA

Pengaruh beliau dalam bidang perundangan Islam cukup signifikan di Malaysia. Inisiatif bagi mengabadikan namanya di bidang keilmuan telah diusahakan oleh beberapa institusi dan pertubuhan Islam di Malaysia di samping penerbitan khas bagi menghormati sumbangan beliau dalam bidang perundangan. Pada 18 Jun 1999 Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya telah diisytiharkan sebagai Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim sebagai menghargai sumbangan beliau kepada Fakulti Undang-Undang dan Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia meneruskan langkah yang sama dengan menamakan Kulliyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebagai Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim pada tahun 2000, sebagai menghargai sumbangan Prof. Ahmad Ibrahim dalam mengasaskan dan membangunkan Kulliyah dan merangka dan memajukan undang-undang dan pentadbiran Islam. Koleksi undang-undang Perpustakaan Induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Gombak turut menyimpan koleksi buku, manuskrip, dan kertas kerja kepunyaan Prof. Ahmad Ibrahim.

Sebuah makalah undang-undang menghormati Ahmad Ibrahim telah diterbitkan oleh Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya pada tahun 1988 sebagai menghargai jasa Prof. Ahmad Ibrahim memimpin pengajian undang-undang di Universiti Malaya. Penerbitan lain yang seumpamanya ialah sebuah karya yang diusahakan oleh M.B. Hooker berjudul "Malaysian Legal Essays: A Collection of Essays in honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim"

⁹ Al-Mansor Adabi, 1968, *op.cit.*

yang menghimpunkan karya-karya dan catatan penting tentang Profesor Ahmad Ibrahim dan pemikirannya dalam berbagai disiplin perundangan, termasuk bidang kekeluargaan Islam, undang-undang Islam dan sejarah undang-undang.

Pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) juga telah menerbitkan buku “Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia” (1997) setebal 711 muka surat dan “The Administration of Islamic Law in Malaysia” (2000) setebal 734 muka surat yang merupakan dua buah karya utama yang menghimpunkan tulisan-tulisan Profesor Ahmad Ibrahim sejak tahun 1940. Bermula tahun 2000, pihak Institut telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan siri Memorial Lectures bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bagi mengenang sumbangan beliau di bidang perundangan dan menyemarakkan idea dan citra perjuangannya yang memperlihatkan kesungguhan Institusi-Institusi Islam ini untuk memartabat dan mencerna semula visi yang pernah diungkapkan oleh Prof. Ahmad Ibrahim.

PERENCANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Perencanaan yang diatur mencakup sebuah strategi bagi menjayakan rancangan ke arah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia melalui tiga tugas utama yang harus dijalankan:

- 1 -Memperbaiki dan meninggikan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah.
- 2 -Melihat kepada undang-undang bertulis, di peringkat persekutuan dan negeri, dan mengubah mana-mana peruntukan yang terdapat bertentangan dengan undang-undang Islam.
- 3 -Mengadakan cara dan undang-undang untuk mengembalikan undang-undang Islam sebagai undang-undang asas di Malaysia.¹⁰

Prof. Ahmad telah menggariskan dan mengatur langkah strategik bagi menjalankan undang-undang Islam di Malaysia. Beliau menegaskan keperluan

¹⁰ Ahmad Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997), 3.

terhadap penghayatan seluruh tradisi Islam dan mengambil pendekatan yang lebih efektif dan produktif bagi mengenengahkan syariat mengikut konteks dan tuntutan semasa supaya hukum syarak dan undang-undang Islam dapat diterima dan diiktiraf sebagai undang-undang bagi semua orang Islam dan keharmonian hukum dipelihara. Beliau menekankan tanggungjawab umat untuk meningkatkan usaha penyebaran Islam dan mempertahankan keadilan dan memupuk muafakat dan memperjuangkan asas masyarakat madani di Malaysia.

Kerjaya dan pemikirannya difokuskan terhadap kepentingan membina generasi baru dan mencapai matlamat yang ideal dalam mengangkat kedudukan dan hak masyarakat Islam. Beliau mendukung usaha bagi mendekatkan undang-undang dengan kehendak dan semangat perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Aspirasi dan cita-cita perjuangannya adalah bagi mencapai ketinggian bagi umat dalam konteks negara merdeka bagi memperkuat dimensi Islam dan memantapkan nilai perundangannya.

Hujahnya berdasarkan prinsip Al-Quran dan Sunnah, dengan merujuk kepada kitab-kitab muktabar dan wacana semasa. Dalam tulisannya, banyak dikemukakan analisis tentang kedudukan undang-undang Islam di Malaysia, seperti artikelnya yang diterbitkan dalam *Jurnal Hukum*, “Kesesuaian Hukum Islam dalam Pentadbiran di Malaysia”¹¹ yang menganalisis punca undang-undang Islam dipinggirkan. Proses ini bermula sejak pencerobohan British ke Tanah Melayu dengan penggubalan berbagai kanun keadilan dan perjanjian yang telah ditandatangani antara penjajah Inggeris dan pemerintah Melayu yang digunakan sebagai asas untuk penerimaan undang-undang Inggeris. Menurutnya, ramai pakar perundangan yang mempersoal keabsahan undang-undang tersebut, dan malah keabsahan perjanjian yang dimeterai, yang telah dipaksakan sungguhpun masyarakat tempatan telah mempunyai sistem undang-undang yang berfungsi. Ahmad Ibrahim berhujah, bahawa umat Islam harus menggunakan formula yang sama untuk mengembalikan undang-undang Islam ke dalam sistem perundangan, dengan menggariskan strategi, (1) bagi menyediakan rangka undang-undang yang memudahkan pelaksanaan

¹¹ Ahmad Ibrahim. “Kesesuaian Hukum Islam dalam Pentadbiran di Malaysia.” *Jurnal Hukum*, vol. xii, (bhgn ii, 1998): hh. 185-200.

undang-undang Islam (2) untuk mempunyai mahkamah yang meletakkan hakim yang menegakkan undang-undang Islam¹²

Tulisannya dimanfaatkan sebaiknya untuk mengupas kefahaman hukum dan undang-undang Islam. Baginya pentadbiran Islam itu adil dan menjamin dan itu merupakan prinsip utama yang tidak harus dipertikai. Undang-undang Islam itu sebenarnya lebih berkesan dan menyeluruh yang jauh lebih cemerlang dari undang-undang sivil.

Tegasnya, tanggapan umat terhadap Al-Quran mestilah lebih mendalam, meresapi maqasid dan takwilnya. Umat Islam mestilah menghormati dan menerima undang-undang Islam di dalam semua bidang. Hukum syariat adalah berdasarkan wahyu yang sesuai dengan fitrah dan keperluan manusia, dan sesuai dilaksana di setiap masa dan terhadap semua golongan.¹³ Menurutny undang-undang jenayah Islam seperti qisas, hudud dan diyat yang diterapkan di negara-negara yang menjalankannya secara konsekuen telah berhasil secara nyata, baik dalam segi mewujudkan keamanan mahupun dalam segi pemeliharaan harta benda dari bahaya tangan-tangan jahil serta pelanggar-pelanggar hukum; dan semua ini merupakan ketentuan yang mencerminkan ketinggian ajaran Islam.¹⁴

Menurut Ahmad Ibrahim, penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam itu adalah satu kewajipan yang dikenakan oleh Allah (swt) kepada pemerintah Islam. Kepatuhan kepada undang-undang jenayah Islam itu tidak semestinya bergantung kepada adanya undang-undang duniawi untuk memperkuatkuasakannya. Ini kerana peruntukan-peruntukan undang-undang itu telah terdapat di dalam Al-Quran dan Sunnah dan ia semua belum dan tidak boleh dimansuhkan oleh sesiapa. Orang-orang Islam hendaklah diberitahu mengenai undang-undang itu dan patuh serta tunduk kepada undang-undang tersebut supaya mereka beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.¹⁵

¹² Ibid.

¹³ Ahmad Ibrahim, 1997, *op.cit.*, hh. 19-21.

¹⁴ Ahmad Ibrahim, 1997, *op.cit.*, 26-27.

¹⁵ Ibid., 37.

Menurutnya tujuan hukuman hudud dan qisas ialah untuk pencegahan kesalahan-kesalahan itu. Memandangkan pengalaman lepas yang dilihat di negeri-negeri yang telah melaksanakan undang-undang jenayah Islam, hukuman hudud dan qisas jarang dilaksanakan – biasanya hukuman takzir dikenakan. Oleh kerana itu tumpuan hendaklah diberi kepada undang-undang takzir yang terdapat di Malaysia dan cara bagaimana undang-undang itu boleh diselaraskan dengan undang-undang Islam.¹⁶

Dalam usaha mengembalikan warisan hukum Islam di Tanah Melayu beliau menganjurkan supaya dirobah sistem yang diwarisi dari penjajah British dan bertekad agar undang-undang jenayah Islam yang pernah direkod dan dilaksanakan di Tanah Melayu dapat dikembalikan dan diperkukuhkan dalam enakmen pentadbiran persekutuan. Menurutnya, undang-undang sivil yang dikuatkuasakan di zaman penjajah bukan diterima oleh keyakinan atau kerelaan tetapi diterima kerana dilaksana selengkapnya. Di Malaysia, umat Islam dipaksa atau didorong menerima undang-undang Inggeris. Seluruh jentera kerajaan dikerah untuk menyokong pentadbiran undang-undang British, dengan mengabaikan usaha untuk mengadakan pegawai kehakiman syariah, dan membangun infrastruktur pelaksanaan undang-undang Islam yang sempurna.

Baginya apa yang perlu ialah mengembalikan undang-undang Islam sebagai undang-undang asas dan utama bagi orang-orang Islam di Malaysia dan menaikkan taraf dan kedudukan Mahkamah Syariah dan membebaskannya dari gangguan dan campurtangan oleh Mahkamah Sivil. Beliau mengesyorkan supaya common law Inggeris dan kaedah-kaedah ekuiti Inggeris dipakai sejauh yang diizinkan oleh keadaan memandangkan Malaysia sebuah negara merdeka yang mengangkat Islam menjadi agama resmi dan keadaan serta keperluan penduduk Islamnya untuk mengikut hukum syarak.¹⁷

Menurutnya konflik dan percanggahan yang berlaku antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah memerlukan kepada usaha penyeragaman dan

¹⁶ Ibid, 50, 61.

¹⁷ Ahmad Ibrahim, *The Administration of Islamic Law in Malaysia* (Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia, 2000).

pemahaman tentang sistem perundangan dan pembahagian bidangkuasa yang wajar bagi kedua-dua institusi tersebut. Dengan kedatangan British telah diadakan kanun keseksaan yang mengikut undang-undang di India dan England, dan undang-undang Islam dipinggirkan dan tidak lagi diikuti. Orang Islam sendiri sudah tidak lagi faham hikmat dan kebaikan perundangan hukuman Islam sehingga menimbulkan prejudis dan buruk sangka mengenainya. Sehingga hari ini pun Mahkamah Syariah dianggap lebih rendah dan dalam banyak kes keputusannya boleh diganggu dan diketepikan oleh Mahkamah Sivil. Ahmad Ibrahim melihat pertembungan itu sebagai cubaan untuk mengambil alih kuasa Mahkamah Syariah dan mengakibatkan terhakis kepercayaan dan keyakinan awam terhadap institusi syariah.

Salah satu langkah yang sangat berkesan telah diambil dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, perkara 121 Akta Perlembagaan Pindaan, 1984 (Akta A 704) yang memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi dan Mahkamah bawahan di bawahnya tidak boleh mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Dengan pindaan perkara 121 tersebut percanggahan antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah tidak akan timbul lagi kerana perkara-perkara yang bersabit dengan kes yang dikendali di bawah kuasa Mahkamah Syariah hanya boleh dibawa ke Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi tidak lagi mempunyai bidangkuasa di dalam perkara-perkara itu.

Ahmad Ibrahim melihat langkah tersebut sebagai satu permulaan. Banyak lagi yang harus dibuat untuk meninggikan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dan untuk membolehkan Mahkamah Syariah menjalankan tugasnya dengan baik tanpa gangguan dan campurtangan Mahkamah Sivil. Terdapat beberapa undang-undang bertulis yang perlu dipinda untuk memberi kesan sepenuhnya kepada pindaan perlembagaan itu. Antara undang-undang bertulis itu ialah Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 (Akta 91) yang memperuntukkan bahawa jika terdapat pertentangan atau percanggahan antara akta itu dan mana-mana undang-undang bertulis lain kecuali perlembagaan yang berkuatkuasa pada tarikh berkuatkuasa akta itu, peruntukan akta itu hendaklah mengatasi undang-undang yang lain itu.

Seksyen ini hendaklah dimansuhkan. Beliau turut mencadangkan supaya diadakan undang-undang khas bagi orang-orang Islam perihal nafkah dan harta sepencarian yang ditadbir oleh Mahkamah Syariah dan agar perkara ini tidak lagi dibicarakan oleh Mahkamah Sivil. Soal kemasukan ke agama Islam dan masalah murtad juga harus diputus oleh Mahkamah Syariah.¹⁸

Beliau turut mencadangkan supaya Mahkamah Syariah dijadikan Mahkamah Persekutuan supaya Mahkamah-Mahkamah itu dapat diberikan perhatian sepenuhnya seperti Mahkamah Sivil. Tegasnya, banyak masalah Mahkamah-Mahkamah Syariah mengenai status dan bidangkuasanya dan perlantikan dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai kehakiman dan perundangan syariah boleh diselesai jika Mahkamah Syariah ditubuh sebagai Mahkamah Persekutuan, seperti Mahkamah Sivil.

Dalam usahanya mengangkat dan memperbaharui dasar Undang-Undang Keluarga Islam, beliau menumpukan kepada usaha pembaikan sistem Mahkamah yang mapan. Menurutnya, bidangkuasa terpenting Mahkamah Syariah sekarang ialah mengenai undang-undang keluarga orang-orang Islam. Dahulu tiap-tiap negeri mempunyai undang-undangnya sendiri mengenai undang-undang keluarga, yang biasanya termasuk di dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam. Peruntukan-peruntukan itu tidak lengkap dan tiada usaha dijalankan untuk memperbaiki kelemahan dan meningkat mutu penghakiman undang-undang.

Beliau mengesyorkan supaya diadakan undang-undang keluarga Islam yang seragam di setiap negeri dan supaya undang-undang tersebut disusun semula secara rapi dan bijaksana bagi menjamin berlakunya keadilan kepada semua. Beliau menggesa supaya dikaji semula pelaksanaan undang-undang keluarga Islam oleh kerana ada beberapa kelemahan dalam peruntukan yang disediakan dan kemerosotan pengaruhnya di kalangan masyarakat Islam. Undang-undang keluarga Islam harus memenuhi tuntutan untuk membela hak dan kepentingan semua dengan menjamin pembelaan kepada wanita supaya mereka merasa selesa dengan peruntukan dan ketetapan yang

¹⁸ Ahmad Ibrahim. "The Position of Islam in the Constitution of Malaysia." Dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique & Yasmin Hussain, *Readings on Islam in Southeast Asia* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985), 16.

diperundangkan dan menjamin kesejahteraan anak mengikut undang-undang Islam dan pengurusan harta pewarisan dan wakaf yang berkesan.¹⁹

Dalam pelaksanaan hukum Islam Ahmad Ibrahim turut menggariskan kaedah yang terancang dan bijaksana. Menurutnya, langkah tidak boleh diambil tergesa-gesa untuk melaksana hukum dan syariat Islam. Orang Islam sendiri hendaklah mempelajari dan meyakini dengan ketinggian taraf dan keindahan undang-undang Islam. Mereka haruslah menyesuaikan diri dan menguatkan iman supaya boleh menerima pelaksanaan undang-undang Islam dan seterusnya menjalankan amanah dakwah dengan cuba memujuk jiran-jiran tetangga untuk menerima pakai undang-undang itu.

Memandangkan kepada kedudukan perlembagaan dan undang-undang di Malaysia, beliau mencadangkan supaya diadakan kompilasi undang-undang hudud, qisas, diyah dan takzir untuk menerangkan undang-undang itu kepada masyarakat awam. Kompilasi itu boleh dibuat oleh Majlis Agama Islam dan diperkenankan oleh Yang Di Pertuan Agong atau Sultan di negeri-negeri di Malaysia. Beliau mengesyorkan supaya kompilasi itu dikanunkan sebagai akta atau enakmen, dan ia boleh diluluskan oleh parlimen atau badan perundangan negeri. Namun penguatkuasaannya harus ditangguhkan sementara hingga semua yang perlu disiapkan untuk penguatkuasaan itu disediakan.²⁰

Beliau turut mempertahankan prinsip kebebasan beragama seperti dirumuskan dalam dasar maqasid al-syariah. Beliau menekankan kewajaran mendukung prinsip kebebasan yang merupakan paksi dalam keyakinan hidup beragama dengan mempertahankan semangat dan asas budaya dan keterbukaan dalam menjalin persefahaman dengan penganut agama lain mengikut semangat perlembagaan dan bernafaskan prinsip pemerintahan undang-undang. Umat Islam mestilah mengiktiraf hak kebebasan beragama akan terus dipelihara dan dihormati dan memahami bahawa matlamat utama

¹⁹ Ahmad Ibrahim, *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd, 1999).

²⁰ Ahmad Mohamed Ibrahim. "Superiority of the Islamic System of Justice." *IIUM Law Journal*, 4 (1) 1994.

syariat ialah untuk memupuk kesejahteraan dan menjamin keadilan kepada semua.²¹

Menurut Ahmad Ibrahim, undang-undang Islam menghormati undang-undang yang diikuti oleh penganut agama-agama lain. Di dalam perlembagaan Malaysia, seperti juga di dalam perlembagaan Terengganu dan Johor dahulu, disebutkan sungguhpun Islam menjadi agama persekutuan atau negeri, lain-lain agama boleh diamalkan dengan aman dan damai.²² Orang-orang bukan Islam dibenarkan mengikut undang-undang agama atau adat mereka dan begitu juga orang-orang Islam hendaklah dibenarkan mengikut undang-undang Islam. Umat Islam mestilah terus memegang muafakat yang dicapai menerusi perlembagaan untuk mempertahankan kebebasan dan menjamin kerukunan hidup beragama dan berusaha menggilap semangat setiakawan bagi memelihara keharmonian dan ketenangan hidup bersama.

PENYELARASAN UNDANG-UNDANG SIVIL DAN SYARIAH

Atas kegigihan usaha Ahmad Ibrahim sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Undang-Undang Syariah dan Sivil ditubuhkan bagi menyelaras undang-undang sivil dengan undang-undang Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memperbaiki dan meninggikan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah, dan melihat mana-mana undang-undang bertulis di peringkat persekutuan dan negeri yang bertentangan dengan undang-undang Islam untuk diselaraskan dengan cara yang dapat diterima oleh semua rakyat di Malaysia.

Ahmad Ibrahim mencadangkan supaya dimasukkan peruntukan khas di dalam Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan negeri bagi perhakiman syariah seperti yang terdapat bagi perhakiman sivil. Beliau turut mengemukakan pandangan supaya diadakan peruntukan untuk Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah seperti yang terdapat di Bahagian 9 Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana kedudukan dan status Mahkamah-Mahkamah Syariah dan pegawai-pegawainya telah dinaikkan dan diperbaiki, beliau menyarankan supaya diwujudkan peruntukan mengenai

²¹ Ahmad Ibrahim, 2000, *op.cit.*

²² Ahmad Ibrahim, 1985, *op.cit.*, 17.

keanggotaan, kuasa, perlantikan dan tempoh memegang jawatan bagi mereka dan disebutkan dalam perlembagaan. Hal ini akan menjadi lebih mudah dan berkesan jika Mahkamah-Mahkamah Syariah dan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Menurutnya, sungguhpun Mahkamah Syariah boleh dikatakan telah dibebaskan dari percanggahan dengan Mahkamah Sivil tetapi apabila berlaku pertembungan undang-undang dalam suatu kes yang melibatkan pihak orang Islam dan bukan Islam, Mahkamah Sivil selalu merujuk kepada undang-undang sivil untuk membuat penghukuman iaitu undang-undang pihak yang bukan Islam. Beliau menegaskan kepentingan untuk Mahkamah Sivil supaya turut merujuk kepada undang-undang Islam, iaitu undang-undang pihak yang satu lagi, dan memutuskan perkara itu mengikut prinsip-prinsip yang dikenakan apabila terjadi percanggahan undang-undang, iaitu memilih mana-mana undang-undang yang munasabah dan membawa kepada keadilan.²³

Beliau turut berusaha memperluas kefahaman mazhab dengan meraikan perbezaan pandangan fatwa dan ijtihad. Menyentuh tentang fatwa dan hukum yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti, Ahmad Ibrahim berpendapat bahawa fatwa yang dikeluarkan tidak harus terikat dengan kerangka lama yang membataskan hukum pada pandangan mazhab Syafi'i semata-mata. Jawatankuasa Syariah harus memberi pertimbangan untuk memutuskan fatwa mengikut qaul dari tiga Mazhab Ahl al-Sunnah yang lain iaitu Mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali yang mana difikirkan munasabah jika difikirkan dengan mengikut qaul Mazhab Syafi'i itu akan berlawanan dengan faedah umum.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

Menurut Ahmad Ibrahim, Kerajaan Malaysia telah berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam semua bidang kehidupan di Malaysia. Langkah-langkah yang wajar telah diambil untuk menerapkan sistem Islam dalam urusan ekonomi dan perniagaan dan memperkenalkan cara muamalah mengikut ajaran Islam. Namun sayangnya nilai-nilai Islam belum dapat

²³ Ahmad Ibrahim, 1985, *op.cit.*, 18.

diterapkan sepenuhnya di bidang perundangan dan kehakiman. Hal ini harus ditangani dengan tuntas dan usaha harus ditingkatkan untuk memberi pendedahan menyeluruh melalui langkah penerapan nilai-nilai Islam yang lebih substantif dan berkesan yang berilhamkan tradisi budaya Melayu supaya dapat diketengah dan disebarluaskan.

MEROMBAK ENAKMEN UNDANG-UNDANG SIVIL

Ahmad Ibrahim menggesa supaya parlimen membubar undang-undang sivil yang bercanggah dengan prinsip keadilan dan diganti dengan undang-undang Islam. Menurut beliau Akta Undang-Undang Sivil 1956 perlu dipinda supaya tidak memerlukan Mahkamah Sivil merujuk kepada Common Law England dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England. Sebaliknya Mahkamah Sivil hendaklah diberi kuasa mengadakan dan mengikut Common Law Malaysia, yang boleh diubahsuaikan dengan merujuk kepada hukum syarak, apabila pihak-pihak di dalam suatu kes itu ialah orang Islam. Beliau mengesyorkan supaya undang-undang sedia ada tentang hukum balas dipinda jika wali atau ahli waris memberi kemaafan.²⁴ Begitu juga seksyen 27 Akta Undang-Undang Sivil mengenai hak jagaan kanak-kanak yang memerlukan rujukan dibuat kepada undang-undang di England hendaklah dimansuhkan oleh kerana Malaysia telah mempunyai undang-undang bertulis mengenai perkara itu bagi orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam.²⁵

Beliau tuntas mempertahankan hak umat Muslim mengamalkan ajaran Islam. Dalam hujahnya beliau menegaskan bahawa jika penganut agama lain berhak mengamalkan agama mereka dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan, maka lebih-lebih lagilah orang-orang Islam berhak mengamalkan ajaran agama Islam. Khususnya kerana orang-orang Islam wajib mengikut dan mengamalkan syariat Islam yang telah diwahyukan oleh Allah (swt) di dalam Al-Quran dan dijelaskan oleh Nabi (saw).

LANGKAH PENYERAGAMAN UNDANG-UNDANG ISLAM

²⁴ Ahmad Ibrahim 1985, *op.cit.*, 49.

²⁵ *Ibid.*, 52.

Dalam usahanya memperjuangkan pembaharuan dan reformasi undang-undang dan menggerakkan usaha ke arah pengislaman kanun undang-undang di Malaysia, Prof. Ahmad menekankan keperluan untuk menyelaraskan undang-undang Islam antara negeri-negeri di Malaysia. Beliau mengalu-alukan usaha Jabatan Peguam Negara untuk mengadakan undang-undang keluarga Islam yang seragam dan boleh diterima pakai oleh negeri-negeri di Malaysia. Menurutnya hasrat untuk mengadakan undang-undang keluarga Islam yang seragam bagi semua negeri di Malaysia telah tidak tercapai akibat sikap jumud pihak pentadbir agama yang masih terperangkap dengan kerangka pemikiran lama yang terikat dengan pandangan Mazhab Syafi'i yang popular di Malaysia. Beliau menggesa supaya draf undang-undang yang baru digubal dan dikemuka bagi menyelaraskan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

Beliau menyarankan supaya diadakan peruntukan untuk penyampaian dan penguatkuasaan saman, waran dan perintah Mahkamah Syariah di sesuatu negeri ke negeri-negeri yang lain. Menurutnya, perkara ini boleh dibuat dengan peruntukan bersaling antara negeri-negeri dan kemungkinan lebih baik sekiranya diadakan undang-undang persekutuan yang memperuntukkan dan membolehkan penyampaian dan penguatkuasaan saman, waran dan perintah sesuatu Mahkamah Syariah negeri dibuat di seluruh Malaysia, dan dikembangkan juga ke luar Malaysia, umpamanya di Singapura, Indonesia dan Brunei.²⁶

Menurut Ahmad Ibrahim, enakmen-enakmen di negeri-negeri di Malaysia boleh dikatakan mengikut bentuk yang sama dan pada amnya boleh dikatakan peruntukan-peruntutannya sama akan tetapi adakala terdapat juga sedikit perbezaan yang merumitkan. Tiap-tiap negeri mempunyai enakmennya sendiri dan sistem Mahkamah Kadi yang berlainan dalam mentadbir hukum syarak. Langkah telah diambil untuk mengkaji semua akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam dan beliau mencadangkan pindaan kecil supaya undang-undang itu lebih dekat satu dengan lain. Selain dari mencuba mendekatkan undang-undang itu satu dengan lain, beliau turut

²⁶ Ibid., 12.

mencadangkan beberapa pindaan yang dipandang perlu untuk melicinkan pentadbiran undang-undang dan memperkenalkan dasar baru bagi memastikan Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan khususnya di dalam perkara kemungkiran pertunangan dan hak jagaan kanak-kanak. Ini menuntut pakatan strategik dan kompetitif di kalangan Ulama untuk bersama-sama membaiki keadaan dan berusaha menyelaraskan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

MEMPERKEMAS SISTEM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH

Menurut Ahmad Ibrahim, bagi memastikan supaya pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah dijalankan dengan cekap dan berkesan, adalah perlu diadakan bukan sahaja hakim dan pegawai kehakiman dan perundangan syarie yang mahir dan cekap, tetapi perlu juga ada peguam syarie yang boleh membantu Mahkamah dan pihak-pihak kepada sesuatu guaman. Catatan dan laporan kes juga perlu disediakan dan dilaporkan dan dihebahkan dalam jurnal hukum. Sistem laporan kes amat perlu supaya para hakim, peguam dan cendekiawan di semua negara Islam boleh melihat bagaimana undang-undang Islam berkembang.

Menurutnya, sebelum undang-undang Islam dapat diterima sebagai undang-undang dan pedoman di Malaysia pada keseluruhannya, usaha harus ditingkatkan untuk memperbaiki cara pentadbiran undang-undang keluarga di Mahkamah-Mahkamah Syariah. Sistem pentadbiran Mahkamah Syariah juga harus diperkemas, taraf dan kelayakan kadi harus dipertingkatkan dan diselaras dengan baik, latihan untuk kakitangan juga perlu diperluas, dan dibangunkan gedung dan struktur bangunan yang sesuai dan selesa untuk perbicaraan dalam ruang Mahkamah. Beliau merumuskan bahawa kemajuan dalam pentadbiran Mahkamah Syariah boleh diperhebat sekiranya disediakan kemudahan dan prasarana yang seimbang dengan apa yang terdapat di Mahkamah Majlisret. Mufti-mufti dan hakim-hakim Mahkamah Syariah juga hendaklah bersungguh-sungguh menjalankan tugas mereka supaya pentadbiran undang-undang Islam mencapai mutu dan kepercayaan yang telah pun dicapai oleh Mahkamah Awam di Malaysia.

Dalam mengangkat martabat undang-undang di Malaysia, beliau turut menekankan kepentingan menggunakan bahasa kebangsaan. Beliau amat menitikberatkan pembangunan dan kemajuan penulisan undang-undang dalam bahasa Melayu dan yakin dengan keupayaannya sebagai jentera pengajaran undang-undang dan wadah penguatkuasaan undang-undang di Mahkamah.²⁷ Semasa menjadi pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil beliau telah memberi panduan kepada jawatankuasa ini supaya mendrafkan undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan. Apabila draf ini sempurna, ia diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk diterjemah ke Bahasa Inggeris.

Beliau turut menerajui dan mempelopori usaha pengajaran dan pembelajaran undang-undang dalam Bahasa Melayu dan menzahirkan semangat yang gigih untuk mengembangkan penggunaan Bahasa Melayu dalam amalan perundangan di negara ini. Beliau telah berusaha meneliti semula seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963-67 yang memperuntukkan bahawa teks rang undang-undang dan undang-undang hendaklah diadakan di dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris. Beliau mengesyorkan bahawa jika undang-undang itu mengenai undang-undang Islam yang ditadbirkan di Mahkamah Syariah, maka teks itu boleh diadakan di dalam Bahasa Kebangsaan sahaja. Namun sayangnya teks rasmi Perlembagaan Malaysia belum diadakan dalam Bahasa Kebangsaan.²⁸

KESIMPULAN

Ahmad Ibrahim telah memainkan peranan utama dalam memartabatkan undang-undang Islam di negara ini. Perjuangannya dalam menggembeleng dan menuntut perealisasiian undang-undang Islam terus diungkapkan dengan segar dalam wacana perundangan Islam semasa yang mampu melahirkan kefahaman, kesedaran dan keperluan terhadap umat membentuk paradigma baru yang menjurus kepada kemaslahatan undang-undang seluruhnya. Idea

²⁷ Abdul Monir Yaacob. "Profesor Ahmad Ibrahim dan Sumbangan beliau dalam Perundangan Islam di Malaysia." *Jurnal Undang-Undang IKIM*, 2005, 1-11.

²⁸ Ahmad Ibrahim, 1985, *op.cit.*, 56.

yang dikemukakannya bagi memperbaiki mutu dan meningkat keupayaan kerja Mahkamah Syariah dalam mentadbir undang-undang Islam telah dicapai hasil usahanya yang jitu dalam harakat pembaharuan yang digerakkan. Kertas ini telah melakar secara ringkas usaha dan sumbangan Ahmad Ibrahim dalam merangka dan merumuskan falsafah dan kerangka perundangan dan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Usahanya telah membawa perubahan yang berkesan dalam praktik pembaharuan hukum, dan meningkatkan pemahaman tentang asas undang-undang, proses kehakiman dan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Perjuangannya untuk mereformasi undang-undang dan melegitimasi hukum syarak, telah berhasil (1) memantap dan menyegar wacana undang-undang dan penghayatan Islam di Malaysia (2) meninggikan pentadbiran undang-undang Islam dan mengangkat kedudukannya dalam perlembagaan (3) memaju dan meningkatkan prestasi kerja Mahkamah Syariah dan mengukuh sistem perundangan dan kehakiman (4) mengangkat martabat undang-undang dengan mengemukakan penyelesaian Islam (5) memulihkan keyakinan umat terhadap undang-undang Islam (6) mengesyorkan penyelarasan dalam pentadbiran undang-undang syariah di Malaysia (7) meningkat kedudukan dan wibawa Mahkamah Syariah dalam kaedah pelaksanaan hukum dan penerapan nilai-nilai Islam (8) membawa pembaharuan dan pbaikan dalam menangani permasalahan yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat Islam di Malaysia (9) memberi impak yang signifikan dan pengaruh yang jelas dalam sistem pentadbiran dan kehakiman syarak dan memangkin gerakan Islamisasi undang-undang yang dipertahankan sebagai legasinya yang penting dalam tradisi perundangan di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Monir Yaacob, "Profesor Ahmad Ibrahim dan Sumbangan beliau dalam Perundangan Islam di Malaysia" *Jurnal Undang-Undang IKIM*, 2005, hh. 1-11.
- Ahmad Ibrahim; ed. Shirle Gordon. *Islamic Law in Malaya*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 1957.
- _____. *Towards a History of Law in Malaysia and Singapore*. Singapore: Stamford College Press, 1970.

-
- _____. Malaysian Legal History. Kuala Lumpur: Faculty of Economics and Administration, University Malaya, 1970.
- _____. Legal Education in Malaysia. Singapore: Maruzen Asia, 1980.
- _____, "The Position of Islam in the Constitution of Malaysia," dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique & Yasmin Hussain. Readings on Islam in Southeast Asia. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1985.
- _____; Mahmud Saedon Awang Othman. Ke arah Islamisasi Undang-Undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1988.
- _____, "Superiority of the Islamic System of Justice", IIUM Law Journal, 4 (1) 1994.
- _____. Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997.
- _____, "Kesesuaian Hukum Islam dalam Pentadbiran di Malaysia" Jurnal Hukum, vol. xii, (bhgn ii, 1998), hh. 185-200.
- _____. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd, 1999.
- _____, "The Influence of Islam on Law in Malaysia" dalam The Administration of Islamic Law in Malaysia. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia, 2000.
- _____, "Maslahah and its application in Malaysia's multi-racial society" dalam The Administration of Islamic Law in Malaysia. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia, 2000.
- _____. The Administration of Islamic Law in Malaysia. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia, 2000.
- _____, Ahilemah Joned. Sistem Undang-Undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Abdul Aziz Bari, Ahmad Ibrahim and the Islamization of Law in Malaysia. Kuala Lumpur: Harun M. Hashim Law Centre, Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Laws, 2004.
- Fatini Yaacob. "Mungkin Berlainan Jika Berlaku Sekarang – Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim." Dewan Masyarakat, 27, no. 3 (Mac 1989): hh. 15-16.
- Mohammad Amin, Islamization of Laws in Pakistan. Lahore: Sang-E-Meel Publication, 1989.
- M.B. Hooker (ed.) Malaysian Legal Essays: a Collection of Essays in honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1986.
- M.B. Hooker (ed.) "Islamic and Malaysian Law; the Contribution of Professor Ahmad Ibrahim", Malaysian Legal Essays: a Collection of Essays in honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1986.
- Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid, "Biografi Ahmad Ibrahim" Jurnal Undang-Undang IKIM edisi khas sempena memperingati Al-Marhum Profesor Emeritus Ahmad Mohamed Ibrahim. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, vol 9, No.1, Jan-Jun 2005.

-
- Shaikha Zakaria, "List of Works by Professor Ahmad Ibrahim", dalam M.B. Hooker (ed.), *Malaysian Legal Essays: a Collection of Essays in Honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1968.
- Universiti Malaya. *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Vernon, Cornelius Takahama. *Tan Sri Datuk Professor Ahmad Ibrahim*. Singapore: National Library Board Singapore, 2001.